

30/03/1998

PM bimbang penjajahan baru Barat

Ebi Azly Abdullah

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan kebimbangannya terhadap bentuk penjajahan baru oleh negara Barat terhadap negara membangun dengan menggunakan mata wang sebagai senjata yang boleh menjadikan negara itu jatuh miskin.

Menurut Perdana Menteri, pada satu masa dulu negara Barat cuba mengaitkan perdagangan dengan alam sekitar dan hak asasi. Tetapi kini mereka kembali dengan isu mata wang dan ia adalah satu senjata yang tajam.

"Dengan menjatuhkan nilai mata wang ini, dia menjadikan kita miskin sehingga kita terpaksa meminta-minta. Apabila kita minta, dia kenakan kita syarat.

"Secara tidak langsung, mata wang itu dijadikan senjata untuk menamatkan kebebasan kita," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan Ekspedisi Terjun Bebas Kutub Utara di sini, petang ini.

Dr Mahathir berkata, mereka juga cuba menentukan siapa yang harus menjadi pemimpin sesebuah negara membangun, di samping menentukan segala dasar yang harus diamalkan oleh kerajaan negara berkenaan.

"Orang asing nak tentukan apa cara kita niaga, bermakna kita habislah tak ada kebebasan.

"Kalau kita kata sebuah negara itu berdaulat, lebih-lebih lagi kalau kerajaan dipilih rakyat tetapi tidak dibenar untuk berbuat sesuatu, bermakna pemilihan kerajaan itu tidak ada makna lagi.

"Kerajaan itu pula hendak diarah dan hendak ditentukan siapa yang boleh jadi pemimpin, orang ini tak baik dan orang itu tidak baik maka susahlah... tidak ada kemerdekaan," katanya.

Ketika ditanya sama ada Malaysia ditekan supaya menandatangani Perjanjian Pelbagai Hala Pelaburan (MAI), Dr Mahathir menjawab: "Belum lagi. Tetapi saya kurang pasti kerana mereka akan sentiasa mencuba berulang kali. Kalau dia tak boleh cuba satu jalan, dia akan cuba jalan lain."

Perdana Menteri berkata, pihak berkenaan akan mencuba pelbagai usaha untuk mendesak Malaysia menandatangani MAI, dengan mengaitkan perjanjian perdagangan itu dengan pelbagai isu semasa.

MAI adalah peraturan pelaburan yang dicadang oleh negara kaya untuk mendapat pasaran tanpa batasan yang akan mencabul kedaulatan negara membangun.

Pertubuhan Untuk Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) yang juga dikenali sebagai kelab negara kaya, mengatakan MAI adalah untuk semua ahli, tetapi negara miskin tetap bimbang dengan risiko yang dihadapi.

Antara peraturan berkenaan ialah MAI meminta supaya status pelaburan bagi pelabur asing adalah sama dengan pelabur tempatan. Sebagai contoh, jika peraturan itu dibuat di Malaysia, pelabur tempatan akan kehilangan kelebihan sebagai usahawan tempatan di sini.

(END)